

14/02/2003

Sokongan rakyat tidak berbelah bagi

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Seluruh lapisan masyarakat diajak menyertai perhimpunan besar-besaran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 23 Februari ini sebagai tanda sokongan terhadap usaha negara memperjuangkan isu keamanan dunia.

Penaung Aman Malaysia, Datuk Hishammuddin Hussein berkata, sokongan itu

penting sebagai bukti rakyat memberi mandat kepada Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membawa isu keamanan pada Sidang Kemuncak

Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di sini, minggu depan.

"Pada perhimpunan itu, satu memorandum akan diserahkan kepada Dr Mahathir dengan harapan memorandum itu dapat dijadikan sebahagian deklarasi pada sidang NAM.

"Perhimpunan itu akan disiarkan secara langsung di stesen televisyen dan

disiarkan di hotel supaya pemimpin NAM dapat melihat sendiri sokongan rakyat Malaysia terhadap isu keamanan," katanya pada sidang akhbar selepas

mempengerusikan mesyuarat penyelarasan Aman Malaysia di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, memorandum itu dirangka hasil resolusi yang dicapai dalam aktiviti forum, kolokium dan persidangan yang dianjurkan Aman Malaysia.

Sehingga kini katanya, sekretariat Aman Malaysia melalui Gerakan Belia 4B menerima lebih 800,000 tandatangan sejak kempen tandatangan itu dilancarkan, awal bulan lalu.

Katanya, sekretariat Aman Malaysia menjangka menerima lebih banyak tandatangan kerana tidak semua tandatangan diserahkan kepada sekretariat Aman Malaysia.

"Kempen tandatangan ini juga penting bagi menunjukkan protes rakyat Malaysia terhadap dasar diskriminasi kuasa besar Amerika Syarikat dan sekutunya. Kita berharap melalui gerakan keamanan ini rancangan serangan terhadap Iraq dapat ditangguhkan," katanya.

Hishammuddin berkata, satu pameran mengenai penderitaan rakyat Iraq dan

Palestin akan diadakan di ruang legar KLCC, Sabtu ini. Pameran itu akan dirasmikan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau juga gembira dengan pembabitan serta komitmen pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam Aman Malaysia yang kini mencapai 1,100 penyertaan.

Mengenai penyertaan parti pembangkang dalam Aman Malaysia,

Hishammuddin

berkata, semua rakyat menyokong gerakan keamanan yang menolak peperangan dan kekerasan sebagai jalan penyelesaian.

"Gerakan keamanan ini merentas sempadan kaum, agama, gender, usia dan fahaman politik. Kami harap tidak ada pihak akan menggunakan lambang persatuan atau parti mereka kerana gerakan Aman Malaysia mewakili semua rakyat," katanya.